

POSTER KERTAS KONSEP APLIKASI KAEDAH FUZZY DELPHI UNTUK PEMBANGUNAN MODUL PENINGKATAN IMAGINASI – KREATIF (PIK) PRASEKOLAH BERASASKAN LAGU KANAK-KANAK MELAYU TRADISIONAL



Nurul Jannah Binti Kamaruddin
Prof Madya Dr. Abdul Halim Masnan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM, PERAK

PENGENALAN

Imaginasi adalah bahagian penting dalam kemajuan kreativiti seseorang (Azli Ariffin, 2018). Perkembangan imaginasi perlu diberi perhatian berterusan sehingga ke peringkat dewasa kerana idea yang baru tidak akan muncul sekiranya kemampuan berimaginasi tidak dipupuk dan diberi perhatian.

Kaedah Delphi adalah suatu pendekatan yang digunakan dan diterima secara meluas dalam mengumpulkan data bagi sesuatu kajian bersandarkan kepada kesepakatan sekumpulan pakar dalam sesuatu isu yang dikaji

KAJIAN LITERATUR

Menurut Azlin Ariffin, (2018) kejayaan pembinaan kreativiti di sekolah adalah berdasarkan kepercayaan guru terhadap konsep kreativiti itu sendiri dan juga amalan pengajaran guru di dalam kelas

Menurut Duna (2015) penyelidikan dan teori kreativiti pada masa kini banyak menumpukan kepada kanak-kanak di sekolah rendah, berbanding dengan dengan kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka dan mengkaji kreativiti bagi pendidikan awal kanak-kanak, terutamanya bagi kanak-kanak yang berumur 0 hingga enam tahun.

OBJEKTIF

Sasaran pertama berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan adalah untuk pengumpulan maklumat tentang keperluan membangunkan modul peningkatan imaginasi – kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Kertas konsep kajian ini akan menerangkan lebih terperinci mengenai fasa dua iaitu berkaitan dengan reka bentuk dan pembangunan modul.

METODLOGI

FASA REKA BENTUK & PEMBANGUNAN

Kajian yang akan dijalankan berbentuk kuantitatif yang mengaplikasikan Fuzzy Delphi method (FDM) untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap keperluan elemen untuk peningkatan imaginasi-kreatif berasaskan lagu kanak-kanak melayu berdasarkan konsensus pakar

INSTRUMEN

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada soal selidik yang bertujuan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah kajian. Pemilihan soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data fasa ini adalah berdasarkan kepada cadangan yang telah disyorkan oleh Saedah, S., Muhammad Ridhuan, T. L. A., & Rozaini, M. R. (2020)

PROSES PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

PEMILIHAN PAKAR

SOAL SELIDIK UNTUK PAKAR

MENGEDAR BORANG SOAL SELIDIK

MENGANALISIS DATA

PENENTUAN NILAI PERATUS KESEPAKATAN PAKAR

PERBINCANGAN

Jangkaan hasil dapatan kajian ialah dengan menggunakan analisis FDM akan terhasil satu reka bentuk pembinaan modul peningkatan imaginasi – kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional akan terbentuk. Dengan menggunakan analisis FDM akan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kajian ini juga akan dijalankan untuk menentukan kesepakatan pakar terhadap komponen utama bagi pembinaan modul peningkatan imaginasi – kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional.

KESIMPULAN

Kertas konsep ini hanya membentangkan fasa reka bentuk untuk membina modul yang boleh diguna oleh guru prasekolah untuk peningkatan imaginasi – kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional. Maklumat daripada kajian ini akan digunakan sebagai salah satu input konkrit bagi mereka bentuk pembinaan modul peningkatan imaginasi – kreatif (PIK) prasekolah berasaskan lagu kanak-kanak melayu tradisional.